

30 JUL 1998

Bola sepak-Remaja

MALAYSIA ENGGAN BUAT RAMALAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

JOHOR BAHRU, 30 Julai (Bernama) -- Malaysia enggan membuat ramalan dan akan hanya membuat percaturan ketika menentang sesuatu pasukan pada kejohanan bola sepak Remaja Asia Bawah 19 Kumpulan yang akan berlangsung di sini dari 1 hingga 5 Ogos.

Ketua jurulatih Hatem Souissi berkata hari ini adalah sukar meramalkan pasukan favorit dalam satu kejohanan kumpulan umur seperti Remaja Asia Bawah 19 ini.

Kumpulan 7 terdiri daripada Malaysia, China, Laos dan Singapura. Juara kumpulan ini akan menempah tiket ke kejohanan bola sepak Remaja Asia Bawah 19 yang akan diadakan di Thailand pada Oktober.

Juara dan naib juara daripada kejohanan Remaja Asia Bawah 19 dan pemenang tempat ketiga akan merupakan tiga pasukan Asia yang akan beraksi pada perlawanan akhir Piala Dunia Remaja Dunia 1999 di Nigeria.

Hatem berkata skuad Bawah 19 adalah juga skuad pelapis kepada pasukan Olimpik 2000 sekarang.

"Ini adalah kejohanan pertama bagi pasukan ini dan tidak seorangpun pernah bermain pada mana-mana perlawanan anatarabangsa. Memang sukar untuk meramalkan pemenang.

"Di bawah situasi begini, Malaysia akan menghadapi setiap pasukan satu persatu," kata Souissi.

Sementara itu, favorit China juga enggan meramalkan peluang mereka di Johor Baharu meskipun mereka telah menjalani latihan sepanjang bula lepas sebagai persiapan.

Pengurus pasukan China Li Xiao Guang berkata para pemain China berlatih di Guangzhou dan hanya mereka yang terbaik dipilih datang ke Johor Baharu.

"Kesemua empat pasukan mempunyai peluang yang sama untuk menjuarai kumpulan. Saya fikir adalah kurang adil bagi mengatakan China adalah favorit. Saya belum lagi melihat pasukan lain beraksi dan memang sukar untuk membuat ramalan.

"Saya lihat pemain semua pasukan besar dan tegap. Mereka mempunyai ketinggian dan bentuk badan yang tegap," kata Xiao Guang.

Skuad Malaysia: Jaafar Mohd Salleh, Azuan Mohd Karim, Mohamad Helmi Mohamed, Mohd Nidzam Jamil, Fahmi Isa, Isam Firdaus Sapingi, Mohd Shawal Johari, Akmal Rizal Ahmad Rakili, Zuraidi Mohd Lazim, Ahmad Amran Shah Ridzuan, Rushnizam Mohd Idrus, R. Nanthakumar, Mohd Fairuz Mohd Nor, Mahathir Mohd Jamal Mohd, Kamarulzaman Hasan, Kamarulzaman Yub Abdul Majid, Hairuddin Omar, S. Jayaprakash, Eddy Helmi Abdul Manan, Fadzillah Mamat, Rafiz Abu Bakar.

Pengurus pasukan: Datuk Mohammad Ali Hashim.

Penolong Pengurus: Yusof Ali.

Ketua Jurulatih: Hatem Souissi

Penolong jurulatih: B. Sathianathan

-- BERNAMA

MKO ZAB